



NEGERI SABAH

(JPAN: 700-2/104/43/1 (31)

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 21/2014

PINDAAN PERATURAN BERKAITAN PENERIMAAN SIJIL SAKIT SWASTA UNTUK TUJUAN KEMUDAHAN CUTI SAKIT

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan kerajaan negeri tentang pindaan peraturan berkaitan penerimaan sijil sakit swasta untuk meluluskan kemudahan cuti sakit. Pekeliling ini dikeluarkan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2006 (Pekeliling Persekutuan).

LATAR BELAKANG

2. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah (PPPANS) Bahagian IV memperuntukkan bahawa Ketua Jabatan boleh menerima, mengikut budi bicaranya sendiri, sesuatu sijil sakit yang dikeluarkan oleh seseorang doktor swasta tanpa sokongan dari seorang pegawai perubatan, apabila sijil sakit itu memberi cuti yang tidak melebihi dua (2) hari berturut-turut sahaja. Selaras dengan perkembangan amalan perubatan di sektor awam dan swasta, kerajaan negeri telah bersetuju meminda peraturan berkaitan penerimaan sijil sakit yang dikeluarkan oleh doktor swasta untuk tujuan meluluskan kemudahan cuti sakit.

PELAKSANAAN

3. Kemudahan cuti sakit boleh diluluskan dengan syarat-syarat seperti berikut:
 - a. bagi pegawai yang menerima rawatan sebagai **pesakit luar** di hospital atau klinik swasta, sijil sakit yang dikeluarkan oleh doktor swasta tanpa sokongan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan boleh diterima jika ia memberi jumlah cuti sakit yang tidak melebihi 15 hari dalam sesuatu tahun kalendar ; atau
 - b. bagi pegawai yang menerima rawatan sebagai **pesakit dalam** di hospital atau klinik swasta, sijil sakit yang dikeluarkan oleh doktor swasta tanpa sokongan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan boleh diterima jika ia memberi jumlah cuti sakit yang tidak melebihi 180 hari dalam sesuatu tahun kalendar ; dan
 - c. jumlah cuti sakit sama ada berasaskan sijil sakit swasta atau sijil sakit kerajaan yang boleh diberikan adalah tidak melebihi 180 hari dalam sesuatu tahun kalendar, di mana 90 hari pertama boleh diluluskan oleh Ketua Jabatan dan 90 hari seterusnya hendaklah diluluskan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri.

PINDAAN

4. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, peruntukan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah Bahagian IV yang berkaitan dengan penerimaan sijil sakit swasta oleh Ketua Jabatan adalah dipinda seperti di perenggan 3 (a), (b) dan (c).

TARIKH KUAT KUASA

5. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI SUKARTI BIN WAKIMAN)
Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh: 27 OCT 2014

s.k. Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
Wisma Kewangan
88593 KOTA KINABALU

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri
88595 KOTA KINABALU

Pengarah Audit
Jabatan Audit
88990 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada: Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil